

03/10/2002

Bank Swiss beri kerjasama baik

Kadir Dikoh; Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia mendapat kerjasama amat baik daripada pihak berkuasa Switzerland berkisar kepada maklumat akaun rakyat negara ini dalam Bank Swiss.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata ini membolehkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) meneruskan siasatan terutama berkaitan penyelewengan syarikat keluli, Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja).

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan sama ada wujud kes lain selain Perwaja yang sedang disiasat BPR dengan kerjasama Switzerland itu.

"Apa yang boleh saya katakan ialah mereka (Switzerland) bersedia membantu dengan memberi kerjasama kepada Malaysia mengenai maklumat akaun kes Perwaja. BPR sudah mengambil peluang itu untuk menjalankan tugas. Saya menjangka hasil yang baik," katanya ketika diminta mengulas perkembangan terbaru kes itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah BPR, Datuk Zulkifli Mat Noor, berkata pihaknya amat berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan pihak berkuasa Switzerland sehingga membolehkan BPR menjalankan siasatan lanjut kes Perwaja.

Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan secara terperinci perkembangan terkini yang diperoleh hasil kerjasama dengan pihak berkuasa Switzerland, selain siasatan kes Perwaja.

"Kita dapat kerjasama yang baik dengan Switzerland, itu saja yang ingin saya katakan pada masa ini," katanya tanpa mengulas lanjut ketika dihubungi di sini, hari ini.

Sebelum ini, Zulkifli berkata, bukti kukuh diperlukan dalam siasatan kes yang dijalankan BPR bagi membolehkan tindakan lanjut diambil untuk membawa kes ke mahkamah.

Jun lalu, BPR dan Bank Negara Malaysia mengadakan perbincangan dengan Pejabat Kehakiman Persekutuan (FOJ) Switzerland untuk meneliti dokumen serta mendapatkan keterangan saksi yang diperlukan untuk membantu siasatan kes Perwaja.

Perbincangan pada 12 Jun lalu dihadiri Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, Timbalan Ketua Pengarah (1) BPR Datuk Mohd Zawawi Nordin dan Pengarah Siasatannya, Datuk Nordin Ismail.

Ramai berharap kesediaan pihak berkuasa Switzerland membantu BPR menyelesaikan siasatan kes itu, yang mula difailkan sejak 1996 selepas laporan mengenainya diterima pada 1980.

BPR dikatakan menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat berhubung deposit wang yang disyaki diperoleh secara tidak sah kerana Switzerland mempunyai undang-undang rahsia perbankan yang ketat.

Bagaimanapun, lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu pertengahan tahun ini membawa perkembangan positif terhadap siasatan kes Perwaja apabila pihak berkuasa Switzerland membuat keputusan untuk memberi kelonggaran dalam kes tertentu membabitkan kegiatan jenayah dan rasuah.

Dalam lawatan itu Dr Mahathir diberi jaminan mengenai kesediaan Switzerland untuk membantu pihak berkuasa Malaysia mendapat maklumat daripada bank negara itu mengenai deposit wang yang disyaki diperoleh secara haram, termasuk berhubung kes Perwaja.

Isu Perwaja terbongkar selepas syarikat audit, Coopers and Lybrand mengeluarkan laporan ketidakupayaan syarikat pengeluaran keluli itu membayar hutang.

BPR turut mengesahkan wang RM76.4 juta dibayar oleh Perwaja kepada tiga pihak asing membabitkan dua syarikat Jepun dan sebuah firma perunding.

Selain itu, BPR mengesan wang berkenaan dimasukkan ke akaun sebuah syarikat berdaftar di British Virgin Island selepas dikeluarkan dari negara ini ke Hong Kong, Jepun dan ke dalam akaun bank di Switzerland.

Perwaja menanggung beban hutang dan kerugian RM10 bilion, membabitkan tanggungan semasa berjumlah RM926 juta, tanggungan jangka panjang RM6.013 bilion, manakala kerugian terkumpul pula berjumlah RM2.985 bilion sebelum diswastakan kepada Maju Holdings Sdn Bhd yang kini menguasai 51 peratus ekuiti dalam Perwaja Terengganu Sdn Bhd.